

Mangsa banjir di Terengganu meningkat



NORAINI Anwar (kanan) bersama ahli keluarganya bergotong-royong membersihkan peralatan dapur yang dipenuhi lumpur akibat banjir di Kampung Pasir Raja, Dungun, Kuala Terengganu, semalam. - UTUSAN/AZLAN BAHROM

KUALA TERENGGANU 28 Dis. - Walaupun keadaan banjir di Besut dan Setiu beransur surut, berbeza pula di beberapa daerah lain di negeri ini apabila mencatatkan peningkatan jumlah mangsa menjadikan seramai 18,392 orang sehingga petang ini.

Keadaan itu memaksa mangsa daripada 4,459 keluarga berkenaan ditempatkan di 68 buah pusat pemindahan melibatkan daerah Kemaman, Dungun, Kuala Terengganu, Marang dan Hulu Terengganu.

Menurut portal Majlis Keselamatan Negara, **daerah Kemaman** masih mencatatkan mangsa paling ramai iaitu 12,249 orang melibatkan 2,842 keluarga yang ditempatkan di 23 pusat pemindahan antaranya Sekolah Kebangsaan (SK) Seri Geliga, Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bukit Mentok dan Balai Raya Jalan Dato'.

Bagi **daerah Dungun** pula, seramai 5,034 mangsa daripada 1,350 keluarga masih tinggal di 35 pusat pemindahan antaranya Dewan Sivik Baru 48, Balai Raya Kampung Dendang dan Surau

Kampung Belimbing.

Walaupun keadaan cuaca mula cerah di daerah **Kuala Terengganu**, jumlah mangsa banjir meningkat apabila seramai 1,002 orang daripada 233 keluarga ditempatkan di enam buah pusat pemindahan.

Di daerah **Hulu Terengganu** dan Marang masing-masing berjumlah 83 mangsa daripada 17 keluarga yang ditempatkan di dua pusat pemindahan dan 24 orang melibatkan tujuh keluarga di pusat pemindahan SK Pasir Putih.

Banjir di dua daerah lagi iaitu **Besut** dan **Setiu** surut sepenuhnya dan semua mangsa telah dibenarkan pulang hari ini.

Air di 14 batang sungai di negeri ini berada pada paras berjaga-jaga dan hanya Sungai Dungun di Jambatan Dungun menghampiri paras amaran berbanding semalam melebihi paras bahaya.

Jalan-jalan utama yang ditutup juga telah dibuka semula kepada semua kenderaan bermula hari ini.